

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, January 7, 2020 9:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Sambil Belajar Dalam Pengurusan Strategik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JANUARI 2020 / 11 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: STML

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DALAMI PENGURUSAN STRATEGIK



UUM ONLINE: Seramai 32 pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) telah mengadakan lawatan ke Syarikat La'Beyla Legacy Sdn. Bhd. di Bandar Baru Bangi, Kajang, baru-baru ini untuk mendalami ilmu pengurusan strategik.

Pengarah program, Muhammad Amirul Solehin Nor Kamarudin berkata, lawatan bagi kursus Pengurusan Strategik dalam Teknologi di bawah pengelolaan Prof. Madya Dr. Mohamad Ghozali Hassan itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang aspek pengurusan strategik yang diaplikasikan dalam syarikat tersebut.

Menurutnya, kunjungan mereka telah disambut pemilik syarikat, Iskandar Hussein Mohamed Hussein yang memberikan penerangan tentang operasi syarikat tersebut.

Sementara itu, Iskandar Hussein berkata, La'Beyla Legacy Sdn. Bhd. Kini sedang menyiapkan beberapa projek baharu iaitu aplikasi telefon pintar dan *Augmented Reality* (AR) bagi menarik lebih ramai pelanggan dan menjadi pendahulu di dalam pasaran.

Beliau mengakui kepentingan teknologi dan keperluan bergerak seiring arus permodenan dengan menjadikan teknologi sebagai medium bagi menjalankan perniagaan yang lebih besar secara atas talian.

Katanya, kedudukan kedai beliau yang strategik berada bersebelahan dengan syarikat kurier membolehkan syarikatnya beroperasi pada tahap optima.

“Pengalaman luas dan ilmu yang mendalam mengenai langkah-langkah sebelum memulakan perniagaan menjadi kunci kepada kejayaan ini,” katanya.

Peserta, Anwar Bazli berkata, program seperti ini perlu diteruskan kerana pengalaman dan pendedahan itu tidak dapat diperolehi daripada kuliah harian.

Menurutnya, walaupun dalam kesibukan menguruskan syarikat, pemilik syarikat ini masih sempat meluangkan masa untuk berkongsi pengalaman berkaitan perniagaan yang dimilikinya kepada pelajar.

Katanya, sepanjang lawatan tersebut banyak perkara yang ditimba dan dia teruja kerana banyak input yang diperolehi tentang kaedah menjalankan perniagaan yang lebih strategik dengan menggunakan kaedah atas talian.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.